

**KAJIAN IMEJ PUSAT BANDAR SEKSYEN 52,  
PETALING JAYA**

**OLEH**

**SYAZLINA BINTI BAHARI**

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH  
KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

**Mei 1996**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Syukur ke hadrat Allah A.W.T dengan keizinan-Nya, Kajian Akhir ini dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kajian ini iaitu Puan Hajjah Salehaton Haji Hussein Sazally di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan nasihat yang diberikan sepanjang menyediakan kajian akhir ini.

Sekalung budi dan ribuan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Petaling Jaya iaitu Puan Sharifah Marhaini Syed Ali , Encik Zain Azly, Encik Ismail, Encik Lee Lih Shyan, Penolong Pegawai Perancang Bandar, Juruteknik dan kakitangan-kakitangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Adik Suriuftika, Syafizah dan Syuhada yang banyak membantu sepanjang menjalankan kajiselidik.

Saudara Saiful Adli Ismail dan Saudara Tarmizi Haji Karim yang sentiasa memberi dorongan, nasihat, bantuan, galakan dan peransang sepanjang menjalankan kajian ini.

Jutaan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi iaitu ayah, mak, abang dan adik-adik, sahabat-sahabat karib, teman-teman sebilik, rakan-rakan seperjuangan dan ahli-ahli keluarga saya yang tidak jemu-jemu mendoakan kejayaan saya. Jasa kalian tetap dalam ingatan.

Semoga Allah S.W.T sahaja yang membalas budi baik kalian semua.

## **ABSTRAK**

Keperluan ke arah mencari satu imej dan identiti bagi sesebuah bandar merupakan aspek yang penting. Namun begitu usaha untuk memberikan imej bagi setiap bandar adalah rumit dan sukar untuk dilaksanakan. Imej bandar lazimnya dikaitkan dengan keadaan fizikal dan aktiviti yang terdapat di dalamnya. Interaksi diantara manusia dengan persekitaran juga turut mempengaruhi aktiviti di bandar tersebut. Integrasi di antara elemen-elemen di dalam persekitaran bandar dan manusia akan menjadi lebih kuat lagi apabila perkaitan dan hubung kait antaranya menjadi kukuh.

Keunggulan dan kejelasan sesebuah bandar itu menggambarkan elemen-elemen yang wujud di bandar tersebut dalam keadaan yang tersusun, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi di samping aktiviti manusia yang responsif. Walaubagaimanapun, pembangunan di zaman sains dan teknologi ini serba sedikit telah mengabaikan identitinya yang unggul dan tersendiri. Dengan itu, sebahagian Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya ini tidak terlepas dari menghadapi masalah penonjolan imej yang kuat. Oleh itu kajian ini ingin melihat imej yang terdapat di sebahagian pusat bandar untuk dikaji dan dipertingkatkan dengan usaha-usaha dari pelbagai aspek yang dikenalpasti.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Pelan	ix
Senarai Carta	x
Senarai Gambarfoto	xi
Senarai Lampiran	xiii
Senarai Singkat Kata	xiii

## **KANDUNGAN**

<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Tujuan Kajian	3
1.4 Pemilihan Kawasan Kajian	4
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Metodologi Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Rumusan	12
<b>BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Definisi	18
2.3 Ciri-Ciri Pembentukan Imej Bandar	20
2.4 Imej Bandar	24
2.5 Persepsi Manusia	34
2.6 Rumusan	37

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Umumnya, bandar merupakan pusat yang menjadi titik fokus kepada pelbagai aktiviti-aktiviti di dalam penggunaan dan usaha manusia terhadap muka bumi ini. Bandar mendapat input dan pengaruhnya melalui kawasan sekitarnya di mana perkembangan dan kegiatannya dapat menampung keperluan ekonomi dan sosial bagi keseluruhan kawasan disekelilingnya. Apabila menyebut pusat bandar, sering dibayangkan sesuatu yang unik yang dapat mengingatkan seseorang itu tentang bandar tersebut.

Imej sesebuah bandar merupakan aspek penting yang sering diabaikan semasa perancangan pembangunan dilaksanakan. Sesebuah bandar yang mempunyai imej yang tersendiri dan ciri-ciri yang istimewa dan elemen tertonjol adalah kerana perhubungan fungsi utama dan aktiviti bandar berkenaan yang ditonjolkan dengan jelas supaya mudah diingati dan menyenangkan pergerakan dalam bandar. Ianya akan memudahkan penduduk membentuk gambaran mental bagi bandar tersebut.

Walaubagaimanapun, kebelakangan ini pembangunan fizikal bandar telah mengabaikan kejelasan imej bandar tersebut menyebabkan kebanyakan bandar-bandar mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dan tidak ada sesuatu yang membezakan setiap bandar dengan ciri imejnya yang tersendiri. Pembentukan imej terhadap persekitaran dalam konteks individu menekankan kepada konsep yang melibatkan hasil dari proses dua hala iaitu di antara pemerhati dan suasana sekelilingnya. Hubungan ini melibatkan pengalaman membuat pengamatan semasa berada di dalam persekitaran untuk menghasilkan imej, makna dan memori kepada